

**PERANAN PAPAN IKLAN (BILLBOARD)
DALAM KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA**

**RIZA BIN RAFFIIN
90110147**

**DIPLOMA SENIREKA GRAFIK
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
1993/94**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah SWT. Kerana dengan kurnia dan keizinanNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga terhadap ke dua ibu bapa saya yang telah memberi dorongan dan perangsang. Pensyarah dan mereka yang banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan semasa melengkapkan tesis ini. Penghargaan saya tujukan kepada:

- (1) YM RAJA ZAHABUDDIN RAJA YAAKOB.
Pensyarah Jabatan Seni Reka Grafik.
- (2) ENCIK KHALIL IMRAN.
Pensyarah Jabatan Pengajian Liberal.
- (3) ENCIK VENICE KUMAR.
Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.
- (4) Kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM,
Shah Alam.
- (5) Kakitangan Galeri Kajian Seni Lukis & Seni
Reka ITM Shah Alam.
- (6) Kepada orang-orang perseorangan atau semua
pihak yang terlibat.

Segala kekurangan yang terdapat dalam tesis ini adalah dari kelemahan diri saya sendiri dan segala kelebihan dan kebaikan datangnya dari Allah jua. Hanya ribuan terima kasih yang dapat saya ucapkan.

SINOPSIS

Saban hari, berita-berita kematian dan kecederaan teruk yang diakibatkan oleh kemalangan jalan raya tersiar di media-media masa seluruh negara. Keadaan ini telah mendorong saya untuk sama-sama merenung dan mengkaji kaedah penyelesaiannya. Walaupun bermacam-macam kempen telah dilancarkan oleh kerajaan, namun angka-angka kemalangan semakin meningkat setiap tahun.

Persoalan sekarang dimanakah silapnya? Adakah kempen itu sendiri yang tidak berkesan atau media yang digunakan gagal berfungsi sepenuhnya. Didalam tesis ini tumpuan diberikan kepada peranan papan iklan (biliboard) dalam kempen keselamatan jalanraya yang telah dilancarkan oleh kerajaan. Dengan meneliti urutan sejarah awal penggunaan papan iklan. Kita akan mengetahui tentang peranan sebenarnya sebagai media komunikasi dan penyampaian maklumat kepada orang ramai. Disamping itu juga papan iklan mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dari segi menarik perhatian orang ramai untuk menghayati mesej yang hendak disampaikan.

KANDUNGAN	Muka surat
Penghargaan	I
Sinopsis	II
BAB 1	
1.0 Pengenalan	1
BAB 2	
2.0 Sejarah perkembangan papan iklan didunia.	4
2.1 Peningkatan perkembangan papan iklan di Malaysia.	7
2.2 Jenis-jenis papan iklan (Billboard).	10
BAB 3	
3.0 Pengenalan Kempen Keselamatan jalan raya.	20
3.1 Laporan Perangkaan Kemalangan jalan raya - 1992.	23
BAB 4	
4.0 Analisa papan iklan (Billbooard). Kempen Keselamatan jalan raya. (Satu kes studi di negeri Kelantan).	38
4.1 Keputusan.	52
BAB 5	
Kelebihan dan Kelemahan papan iklan sebagai media komunikasi kempen keselamatan jalan raya.	
5.0 Pengenalan.	56
5.1 Kelebihan penggunaan papan iklan sebagai media komunikasi Kempen Keselamatan jalan raya.	58
5.2 Kelemahan Papan Iklan Sebagai Media Komunikasi Kempen Keselamatan Jalan raya	63
BAB 6	
6.0 Kesimpulan	66
Bibliografi	69

PENGENALAN

Penggunaan media papan iklan bukanlah sesuatu yang baru di dalam dunia periklanan di Malaysia. Ianya telah wujud di negara ini sejak tahun 50 an lagi, namun kepesatan penggunaannya lebih terselah lagi dalam tahun 1970 an hingga pertengahan tahun 1980 an dan bermulalah dari era ini, maka perkembangannya semakin pesat.

Papan iklan adalah suatu media yang penting untuk penyampaian maklumat sesuatu produk atau perkhidmatan, ianya telah menjadi medan perlumbaan di antara syarikat-syarikat pengeluar produk atau perkhidmatan untuk melaris dan meningkatkan lagi penjualan produk atau perkhidmatan yang mereka tawarkan.

Di dalam kepesatan bidang pengiklanan, pihak kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menggunakan media pengiklanan seperti papan iklan dalam menangani masalah-masalah yang melanda masyarakat Malaysia hari ini. Isu yang hangat diperkatakan sekarang ialah tentang kemalangan jalan raya yang telah banyak mengorbankan nyawa dan kecederaan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Melalui media-media periklanan ini kerajaan telah melancarkan kempen keselamatan jalan raya. Walaupun kempen ini telah banyak di siarkan melalui media pengik-